

Kerajaan Terus Perkasa Usahawan Luar Bandar: Muhyiddin Bernama
26 Sept, 2013

PUTRAJAYA, 26 Sept (Bernama) -- Kerajaan terus memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan usahawan luar bandar bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara dan membawa impak positif terhadap perkembangan sektor sosial serta pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tekun Nasional (TEKUN) telah banyak berusaha membangun dan membantu usahawan tempatan.

"Sehingga kini, sejumlah RM12.1 bilion telah dibelanjakan oleh AIM dan TEKUN yang memanfaatkan 686,000 usahawan tempatan dan daripada jumlah itu, seramai 565,400 atau 82 peratus adalah usahawan luar bandar.

"Inilah bukti nyata bahawa kerajaan sentiasa menekankan pembangunan dan kesejahteraan peniaga-peniaga desa dalam kerangka pembangunan negara," katanya ketika merasmikan Karnival Usahawan Desa (KUD) 2013 di Laman 1Malaysia, Presint 2, di sini Khamis.

Beliau berkata sebanyak RM1 bilion peruntukan tambahan telah disediakan bagi pembiayaan pinjaman usahawan melalui AIM sebanyak RM300 juta dan TEKUN (RM700 juta) untuk membantu para usahawan khususnya usahawan luar bandar.

Hadir sama ialah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Mohd Shafie Apdal dan Timbalannya Datuk Alexander Nanta Linggi.

Muhyiddin berkata kerajaan turut menyediakan pelbagai insentif latihan dan insentif pembiayaan program-program keusahawanan.

"Dari tahun 2006 hingga 2012, sejumlah RM3.2 bilion peruntukan telah dibelanjakan oleh kerajaan melalui KKLW (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) dan agensi pelaksana seperti MARA, Lembaga Kemajuan Kedah (Keda), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) bagi melaksanakan pelbagai program keusahawanan luar bandar seperti pembangunan teknousahawan, pemasaran bersepadu, khidmat nasihat, latihan kemahiran keusahawanan dan jaringan strategik.

"Sehingga kini, seramai 90,719 usahawan telah menerima faedah daripada pelaksanaan program ini," katanya.

Muhyiddin turut menyaran para usahawan supaya terus meningkatkan usaha bagi memastikan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan memenuhi cita rasa dan kehendak pengguna.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=980909>

